

Legasi tujuh sekeluarga graduan UPM

Penerima Pingat Emas Canselor gembira abang terima Sarjana pada majlis konvokesyen ke-43 universiti

Oleh Haryani Ngah dan Nas Norziela Nasbah
bhnews@bh.com.my

Serdang : Kegembiraan berganda buat Aida Fitri Peli, 24, yang bukan saja diumumkan sebagai penerima Pingat Emas Canselor pada Majlis Konvokesyen Ke-43 Universiti Putra Malaysia (UPM), malah meneruskan legasi keluarga sebagai graduan universiti itu. Graduan jurusan Kejuruteraan (Kimia) itu syukur dan gembira kerana bukan sahaja menerima anugerah utama tetapi abangnya juga menerima Sarjana pada sidang sama.

Katanya, pada saat mendapat tawaran ke UPM tiga tahun lalu, beliau lega kerana dapat meneruskan legasi keluarga yang semua bergraduasi di universiti itu.

"Ayah, Peli Mat adalah graduan majlis konvokesyen UPM kumpu-

lan kedua, ibu, Aishah Abdullah (kelapan); abang, Amiruddin (38) dan kakak kembar, Amira (33) dan abang, Azman serta saya.

"Alhamdulillah, hari ini mereka semua ada meraikan kejayaan saya dan abang," katanya.

Seramai 6,015 graduan akan menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen UPM Ke-43 selain turut mencatatkan sejarah baharu dengan penerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) paling ramai iaitu 632 orang.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah merangkap Canselor UPM, berkenan mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes.

Gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Tan Sri Dr Nik Mustapha R Abdullah dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dan



Aida Fitri (tengah) bersama keluarga pada Majlis Konvokesyen UPM Ke-43 di Serdang, semalam. (Foto Rosela Ismail/BH)

Datuk Dr Mohd Sham Kasim (Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan).

Pada majlis terbabit, seramai 13 atlet kebangsaan turut menerima ijazah termasuk penerjun, Cheong Jun Hoong yang menamatkan pengajian Bachelor Komunikasi.

Olahragawati Kebangsaan 2017 itu memulakan pengajian pada 2009 mengambil masa sembilan tahun menamatkan pengajian.

"Sebagai atlet, saya menanggung pengajian kerana menumpukan kepada latihan untuk kejohanan.

"Bagaimanapun, sampai satu ketika, saya terfikir sehingga bila harus tangguhkan pengajian. Saya sangat berterima kasih kepada UPM yang banyak bertolak ansur," katanya.

Jun Hoong yang mengalami kecederaan berharap pulih sepenuhnya dan berpeluang menyertai kejohanan untuk melayakkan diri

ke Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Pasangan suami isteri, Dr Abdul Azim Abdul Rahman dan Dr Elya Mohd Nor turut bersyukur kerana masing-masing berjaya menamatkan pengajian Doktor Falsafah (PhD) pada tempoh sama.

Abdul Azim menerima Doktor Kejuruteraan (DEng) Mekanikal, manakala Elya mendapat PhD Automasi dan Kawalan, Fakulti Kejuruteraan.

"Kerjasama dan tolak ansur menjadi kunci kejayaan. Kami sangat menyokong dan saling membantu antara sama lain serta memastikan tanggungjawab terhadap anak dilaksanakan.

"Saya mengambil PhD kerana syarikat dan kerjasama dengan universiti, manakala isteri adalah pensyarah," kata Abdul Azim, seorang jurutera profesional.

Demi menamatkan pengajian

dalam Bachelor Pendidikan (Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) dalam tempoh ditetapkan, Nur Afiqah Ayub, 26, sanggup hadir ke kuliah selepas dua minggu bersalin.

Ibu kepada Muhammad Asy Harraz yang kini berusia setahun sembilan bulan berkata, beliau meneruskan pengajian kerana tidak mahu menyukarkan rakan sekumpulan di samping mahu menjimatkan kos.

"Semester akhir ada subjek teater, jika tidak teruskan semester akhir itu saya perlu tunggu setahun lagi untuk subjek ini," katanya yang kini menjadi pensyarah Bahasa Inggeris di kolej swasta.

Sementara, Jullien Varney Kajan dari kaum Orang Ulu, Sarawak memanfaatkan ilmu yang dipelajari di UPM dengan membangunkan bidang pertanian sebaik menamatkan pengajian.